

**NO. SOALAN: 376**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**RUJUKAN : 8033**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tahanan yang telah  
ditahan di bawah Akta Hasutan dan berapa ramai dari kalangan Ahli  
Politik yang telah ditahan.**

**JAWAPAN:**

**Berdasarkan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia, sejak tahun 2008 sehingga 30 April 2015, sebanyak 429 kes telah disiasat berhubung dengan Akta Hasutan 1948. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 100 kes masih di dalam siasatan, 30 kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, 135 kes memerlukan siasatan lanjut, 26 kes sedang dituduh di Mahkamah dan baki 138 kes telah dikategorikan sebagai tiada tindakan lanjut (*No Further Action* - NFA).**

**Statistik ini adalah merangkumi mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan termasuklah ahli politik, aktivis NGO, pelajar, pendidik dan blogger.**